

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]**

**TARIKH :**

**Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk divest anak-anak syarikat GLC yang sudah mencapai aliran tunai yang positif kepada Bumiputera yang layak terutamanya kepada pengurus/pengarah urusan sedia ada dengan cara *Management Buy Out* (MBO) untuk meningkatkan penglibatan/pemilikan Bumiputera dalam dunia perniagaan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Proses pelupusan anak-anak syarikat GLC kepada usahawan Bumiputera yang terpilih telah mula diperkenalkan pada awal 2012. Sebanyak 10 buah syarikat telah ditawarkan iaitu 5 dari Khazanah Nasional Berhad (KNB) dan 5 lagi dari Permodalan Nasional Berhad (PNB). Syarat-syarat kelayakan telah ditetapkan oleh kedua-dua syarikat pelaburan ini bagi memastikan hanya usaha-usahawan yang layak dan mampu membawa syarikat-syarikat yang dilupuskan ke taraf yang lebih tinggi diberi peluang untuk mengambalih syarikat-syarikat yang ditawarkan.

Selain dari itu, KNB dan PNB turut memastikan syarikat-syarikat yang telah dilupuskan masih memikul tanggungjawab sosial terutama dari segi mengekalkan pekerjaan serta memastikan limpahan ekonomi akan terus dimanfaatkan oleh usahawan-usahawan Bumiputera. Untuk tujuan itu, Khazanah Nasional Berhad yang turut bertindak sebagai sekretariat kepada *The Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG)*, dipertanggungjawabkan untuk memastikan program-program pelupusan ini dilaksanakan dengan jayanya.

YAB Perdana Menteri turut mengumumkan semasa Majlis Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera pada September 2013, bahawa

Kerajaan akan mempergiatkan program penswastaan perkhidmatan Kerajaan secara terpilih. Dengan adanya program sebegini, ianya juga akan memberi peluang untuk pengurusan sedia ada mendapat manfaat melalui kaedah *Management Buy-Out* (MBO) dan menggalakkan penglibatan Bumiputera dalam perniagaan.

Sekian, terima kasih.